

**PERATURAN PERTANDINGAN
BOLING PADANG LELAKI & WANITA
SUKAN PERSATUAN BADAN BERKANUN MALAYSIA**

1.0 NAMA

1.0 Pertandingan ini dinamakan Pertandingan Boling Padang Lelaki & Wanita Sukan Persatuan Badan Berkanun Malaysia.

2.0 UNDANG – UNDANG / PERATURAN

2.1 Semua pertandingan hendaklah mengikut Undang - Undang Pertandingan Persekutuan Lawn Bowls Antarabangsa (Law of the Sports of Bowls Cystal Mark Fourth Edition) Persekutuan Lawn Bowls Kebangsaan dan Peraturan Am Sukan Persatuan Badan Berkanun Malaysia.

3.0 PENYERTAAN

3.1 Kelayakan penyertaan hendaklah mematuhi perkara (5.0) dalam peraturan Am Sukan Badan Berkanun Malaysia.

4.0 YURAN PENYERTAAN

4.1 Perkara (7.0) dalam Peraturan Am Sukan Badan Berkanun Malaysia digunakan.

5.0 PENDAFTARAN DAN KELAYAKAN PEMAIN

5.1 Setiap pasukan yang mengambil bahagian dalam pertandingan ini mestilah mengisi borang penyertaan yang disediakan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan.

5.2 Setiap pasukan mestilah mengandungi tidak kurang daripada sembilan (9) orang pemain (termasuk pemain simpanan).

6.0 CARA PERTANDINGAN

- 6.1 Kejohanan ini adalah pertandingan diantara pasukan.
- 6.2 Acara yang akan dipertandingkan adalah :

Lelaki	Wanita
Pesorangan (Single)	Pesorangan (Single)
Bertiga (Triples)	Bertiga (Triples)
Berempat (Fours)	Berempat (Fours)

- 6.4 Permainan akan dijalankan serentak mengikut disiplin permainan iaitu Perseorangan, Bertiga dan Berempat.

7.0 SISTEM PERTANDINGAN

- 7.1 Sistem pertandingan akan mengikut Perkara (9.0) Peraturan Am Sukan Persatuan Badan Berkanun Malaysia.
- 7.2 Setiap perlawanan akan berlangsung sama ada mengikut masa atau hingga perolehan ends oleh mana-mana pemain/pasukan mengikut yang mana **terdahulu seperti berikut** :

Bil	Disiplin	Ends/Shot	Masa	Penggunaan Bowls
1.	Singles	21 shot	1 jam 30 minit	4 bowls
2.	Triples	15 ends	1 jam 30 minit	3 bowls
3.	Fours	15 ends	1 jam 30 minit	2 bowls

- 7.3 Perlawanan tamat pada 21 mata (acara Singles) atau tamat had masa 1 jam 30 minit atau 15 ends (Triples dan Fours) mana yang terdahulu. Jika masa telah tamat, pasukan yang memperolehi mata tertinggi dikira pemenang. Jika mata seri, tambahan 1 end diberikan.
- 7.4 Untuk disiplin perseorangan, pemain dibenarkan melihat 'Head' selepas balingan bowls ketiga. Bagi disiplin Bertiga dan Berempat hanya skip sahaja yang dibenarkan melihat 'Head' sebelum balingan bola terakhir.
- 7.5 Pertukaran pemain untuk semua disiplin boleh dilakukan selepas tamatnya satu-satu perlawanan. Pemain mestilah telah didaftarkan di dalam borang pendaftaran pemain.

- 7.6 Bagi perlawanan peringkat kumpulan, perlawanan akan dijalankan secara liga.
- 7.7 Pemberian mata untuk perlawanan liga:
- | | |
|--------|----------|
| Menang | : 3 mata |
| Kalah | : 0 mata |
- 7.8 Diakhir pusingan liga, pasukan yang mendapat **mata terbanyak** dikira menang. Jika terdapat dua (2) atau lebih pasukan yang mempunyai mata yang sama, pasukan:
- 7.9 Jika masih seri, pemain / pasukan yang memperolehi **perbezaan set kemenangan yang terbanyak** akan dikira pemenang.
- 7.10 Jika masih seri, pemain / pasukan yang memperolehi **perbezaan net shot (margin) yang terbanyak** akan dikira pemenang.
- 7.11 Jika masih seri juga, pemain / pasukan yang memperolehi **shot yang terbanyak** akan dikira pemenang.
- 7.12 Jika masih seri juga, pemain / pasukan yang **memenangi antara kedua-duanya** akan dikira pemenang.
- 7.13 Jika masih seri juga, pemain / pasukan yang memenangi **end terbanyak** akan dikira pemenang.

8.0 KELEWATAN

- 8.1 Setiap perlawanan hendaklah dimulakan sebaik sahaja isyarat bermain diberikan. Sebarang kelewatan dari mana-mana pasukan, penalti mata akan dikenakan seperti berikut:
- 8.1.1 Mana-mana pasukan yang lewat 5 minit akan memberikan satu (1) skor kepad pihak lawan dan 5 minit seterusnya sehingga melebihi 15 minit maka kemenangan percuma (walk over) akan diberikan kepada pihak lawan dengan skor 7-0.
- 8.1.2 Jika permainan telah berlangsung lebih 1 jam atau 9 end dan berlaku gangguan cuaca, keputusan permainan akan diambilkira. Jika gangguan cuaca berlangsung dan perlawanan tidak melebihi 1 jam atau 9 end, perlawanan akan diberhentikan selama 30 minit dan keputusan perlawanan akan ditentukan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan.

9.0 PAKAIAN

- 9.1 Setiap pasukan hendaklah menggunakan pakaian yang seragam dalam setiap perlawanan. Pemakaian tracksuit adalah dibenarkan tetapi mestilah seragam bagi setiap pasukan.
- 9.2 Hanya kasut tidak bertumit dan bertapak rata yang dibenarkan.

10.0 BANTAHAN

- 10.1 Semua bantahan yang dikemukakan oleh mana-mana pasukan hendaklah mematuhi Perkara (17.0) dalam Peraturan Am Sukan Persatuan Badan Berkanun Malaysia.

11.0 RE – SPOT JACK

- 11.1 Tiada ‘dead end’ dalam permainan.
- 11.2 Jika Jack telah keluar dari ‘Rink’ ianya akan diletakkan pada tanda T, 2-meter dari ditch.

12.0 MENARIK DIRI, MEMBERI KEMENANGAN PERCUMA DAN GAGAL HADIR

- 12.1 Perkara (12.0) dalam Peraturan Am Sukan Badan Berkanun Malaysia digunakan.

13.0 KEADAAN LUAR JANGKA

- 13.1 Perkara (23.0) dalam Peraturan Am Sukan Badan Berkanun Malaysia digunakan.